

Kulik, C.C. and Kulik, J.A. (1991). *Effectiveness of computer-based instruction: An updated analysis. Computers in Human Behavior*, 7, 75-94.

Richard, I. L. & David, S. R. (2000) *Statistics for Management: 7th Ed. Pearson New International Ed.*

Sevindik, T. (2006). *The impact of higher education students' academic achievement and attitude of smart class.* Euphrates

Wan Nur Azyyati Binti Ibrahim (2007). *Tahap Penggunaan Alat Bantu Mengajar Di Kalangan Guru- Guru Teknikal Di SMT Di Negeri Terengganu.* Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.

Yildirim, Kasim (2014) *A Case Study on the Use of Materials by Classroom Teachers* :Academic Journal

Yilmaz, M. (2005). *7th grades and achievement of educational technology in the teaching of symmetry issues*

Yahn, H. I. (2009). *Teaching Technologies and Material Development.* Ankara: Nobel Publications

TRAIT PERSONALITI SITIFIn DALAM MEMBANTU PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR

Sakdiah Md. Amin¹

Jabatan Perdagangan,
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

Zainah Othman¹

Jabatan Perdagangan,
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

Zaharatul Akmar Ahmad Zainuddin¹

¹ Jabatan Perdagangan,
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam

Abstrak

Personaliti pelajar boleh menentukan banyak perkara penting di sepanjang tempoh pengajian pelajar seperti kaedah pembelajaran, pencapaian akademik dan kerjaya yang bersesuaian. Pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih mudah jika pelajar mengetahui dan memahami perkara yang mempengaruhi tingkahlaku mereka. Pengetahuan ini boleh digunakan untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka. Terdapat pelbagai ujian personaliti yang boleh digunakan, walau bagaimanapun bagi kertas konseptual ini, ujian bio-metrik STIFIn digunakan. Ini adalah kerana penggunaan ujian personaliti yang berteraskan bio-metrik mempunyai kebolehppercayaan yang lebih tinggi berbanding ujian menggunakan kaedah soal-selidik yang melibatkan bias.

Kata Kunci: Ujian Personaliti STIFIn, pencapaian akademik, personaliti trait.

1.0 PENGENALAN

Personaliti pelajar banyak mempengaruhi cara dan gaya pembelajaran pelajar. Ini akan memberi kesan kepada pencapaian akademik mereka. Pelbagai ujian psikometrik dijadikan metod untuk mengenalpasti personaliti diri di antaranya ialah 'Big Five Factors' dan 'Five Factor Model', 'intelligent quotient tests', 'self-assessment' (A. Kaklauskas et al.,2010). Kebanyakan ahli akademik dan pengamal mempunyai pandangan yang sama iaitu ciri-ciri personaliti mempengaruhi kejayaan pelajar (A. Kaklauskas et al., 2010). Malah menurut Komarraju, Karau, & Schmeck, 2009; Nofle & Robins (2007) menyatakan terdapat sebilangan ahli akademik yang menganalisa peranan the 'Big Five Factors' seperti (*Openness, Conscientiousness, Extraversion, Agreeableness and Neuroticism*), untuk meramal motivasi akademik, pencapaian dan kejayaan akademik pelajar.

Menurut Komarraju, Karau, & Schmeck, 2009; Nofle & Robins (2007), 'Big Five Personality' merangkumi personaliti trait yang tersusun di dalam lima domain keperibadian seperti berikut:

- *Neuroticism* – kecenderungan untuk mengalami emosi yang tidak stabil seperti bimbang, marah atau murung.
- *Extraversion* – kecenderungan untuk mendapatkan stimulasi dan sokongan orang lain serta mengalami emosi penuh bersemangat, antusias, dominan, ramah dan komunitatif.
- *Agreeableness* – kecenderungan untuk mengalami perasaan belas kasihan dan semangat bekerjasama dan tidak berperasangka dan antagonistik terhadap orang lain.

- *Conscientiousness* - kecenderungan untuk menunjukkan disiplin sendiri, taat dan ketekunan dalam mencapai kejayaan.
- *Openness to experience* – kecenderungan untuk menghargai seni, emosi, pengembaraan dan idea yang luar biasa, berkhayal dan ingin tahu.

Sungguhpun begitu 'Big Five Factors' adalah alat kajian yang digunakan untuk mengenalpasti seseorang individu yang berada di dalam domain personaliti tertentu, berdasarkan soal-selidik yang diajukan kepada individu tersebut (Komarraju, Karau, & Schmeck, 2009; Nofle & Robins, 2007). Mutakhir ini, lebih banyak kaedah wujud bagi membolehkan ujian ini boleh dilakukan dengan lebih sistematik, objektif dan boleh dipercayai. Oleh itu di dalam kajian ini, pengkaji melihat bagaimana ujian personaliti biometrik STIFIn digunakan bagi meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar di Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

1.1 Pernyataan masalah

Menurut Mohd Chowdhury (2006) pelajar kolej cenderung untuk lebih berminat kepada persekitaran pembelajaran yang konsisten dengan jenis personaliti mereka sendiri. Secara amnya, kajian di dalam mengenalpasti peranan yang dimainkan oleh personaliti sebagai indikator penentu kejayaan akademik pelajar juga masih berkurangan (Mohd Chowdhury, 2006). Secara khususnya, di Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, masalah yang ketara dilihat apabila tiada pelajar di Jabatan Perdagangan yang menerima anugerah pelajar cemerlang bagi semester Jun 2015 dan dua semester sebelumnya (Mesyuarat Pengurusan Akademik Jabatan Perdagangan Bil. 4, 2015). Terdapat jurang yang nyata di antara penggunaan ujian personaliti dan perspektif kejayaan akademik pelajar. Oleh itu kajian konseptual ini melihat kepada penggunaan Ujian Personaliti Biometrik SITFIn di dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar di Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

1.2 Objektif kajian:


1. Mengkaji perkaitan di antara trait personaliti dan pencapaian akademik pelajar.
2. Mengenalpasti trait personaliti yang dapat meramal pencapaian akademik pelajar.

1.3 Persoalan kajian:

1. Adakah trait personaliti mempengaruhi pencapaian pelajar?
2. Apakah trait personaliti berkaitan dengan kejayaan akademik pelajar?

2.0 Kajian literatur

Rajah di bawah menunjukkan urutan perkembangan ujian psikologi bermula dari perang dunia pertama pada 1914 sehingga kepada revolusi ujian personaliti pada 1990 (Chek Mat, 2008).



Rajah 1. Perkembangan Ujian Personaliti (Che Mat, 2008)

Perang Dunia Pertama (1914)

Ujian personaliti digunakan bagi meramal pengambilan rekrut baru angkatan tentera Amerika Syarikat semasa Perang Dunia Pertama. Ujian ini digunakan bagi mengetahui sama ada mereka ini mampu menyesuaikan diri dalam kehidupan tentera. Di sini, ahli psikologi telah membina sekumpulan item personaliti berdasarkan bahan bacaan klinikal, menghurai pola tingkah-laku normal dan sebahagian aspek personaliti.

Allport & Odbert (1936)

Membina ujian psikologi berdasarkan 'Lexical Hypothesis', iaitu perbezaan sosial yang menonjol ditafsirkan menjadi perkataan. Perkataan-perkataan ini pada awalnya dikumpul menjadi item sehingga berjumlah 18,000 ribu perkataan dan akhirnya disaring menjadi 4500 perkataan yang memiliki trait kekal.

Raymond Cattell (1946)

Menyambung kajian Allport & Odbert, Cattell telah menyusun semula item Allport & Odbert menjadi 181 kluster menggunakan analisis faktor kepada 12 faktor personaliti. Kemudian, beliau telah menambah empat faktor penting yang tidak boleh dikeluarkan menjadikannya soal selidik 16 faktor personaliti.

W.T. Norman (1963)

Beliau telah membuat replika kepada kajian Cattell dan mencadangkan kepada lima faktor personaliti sahaja yang perlu digunakan bagi ujian personaliti.

Lewis Goldberg, Naomi Tokomoto-Chock, Andrew Comrey & John M. Digman (1981)

Di dalam simposium di Honolulu, mereka telah mengkaji semula item ujian personaliti dan menegaskan hanya lima faktor sahaja yang diperlukan untuk ujian personaliti.

Revolusi Ujian Personaliti (1990)

Revolusi kepelbagaian ujian personaliti dan ujian-ujian psikologi umum ditadbir, diskor dan diinterpretasi dengan lebih sistematik.

2.1 Kelemahan Ujian Personaliti

Rajah di atas hanya memberikan gambaran perkembangan ujian psikologi. Walau bagaimanapun menurut Mischel (1968), ahli psikologi mengatakan tingkahlaku tidak stabil, malah berbeza mengikut konteks, ini bermakna meramal tingkahlaku menggunakan ujian personaliti adalah mustahil. Mereka turut menyatakan bahawa karektor atau personaliti adalah sesuatu yang dikenakan ke atas manusia bagi mengekalkan ilusi kesetaraan di dunia (Mischel, 1968). Malahan Mischel (1968) di dalam bukunya menyatakan ujian personaliti tidak dapat meramal tingkah laku dengan nilai korelasi lebih dari 0.3. Sekitar tahun 1980, ujian personaliti menjadi lebih sistematik dengan kerancangan pembangunan komputer dan kaedah penganalisan yang lebih baik. Walaupun begitu, terdapat beberapa kelemahan, ujian personaliti 'Big Five Factors', yang ketara iaitu pertama, lima faktornya 'orthogonal' atau bersandar ini menyebabkan korelasi negatif wujud di antara *neuroticism* dan *extroversion*. Kajian juga menunjukkan terdapat percanggahan yang ketara dari segi korelasi kajian berdasarkan ujian bukan biometrik, antaranya Matsuno (2009) ramai penyelidik mendapati korelasi yang tinggi antara penilaian pelajar dan guru manakala kajian yang lain pula menunjukkan korelasi yang rendah antara mereka. A. Kaklauskas et al, (2010) turut menyatakan walaupun analisis meta yang dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi menjangkakan ketepatan penilaian sendiri tetapi bagi program Perubatan PBL penilaian tutor dan penilaian sendiri juga menunjukkan korelasi yang rendah.


Yang kedua, ia tidak menerangkan semua personaliti manusia yang lain seperti (Mischel, 1968);

- *Religiosity*
- *Manipulativeness*
- *Honesty*
- *Sexiness*
- *Thriftiness*
- *Conservativeness*
- *Masculinity/Femininity*
- *Snobbishness*
- *Sense of humour*

Yang ketiga, ia bergantung kepada laporan soal selidik yang *bias* dan tindakbalas yang boleh dipalsukan. Kelemahannya yang terakhir ialah tidak ada teori yang mendasari melainkan penemuan kajian yang mengkluster deskriptor tertentu ketika faktor analisis dilakukan.

Berdasarkan kelemahan-kelemahan tersebut, menyebabkan pengkaji-pengkaji personaliti mencari kaedah yang lebih baik untuk menilai personaliti. Kewujudan kaedah biometrik yang berasaskan teori psikoanalisis Sigmund Freud (1923) dan penafsiran keperibadian oleh Imam Al-Ghazali adalah lebih dipercayai (Farid, Indarawan & Jamil 1999). Sigmund Freud (1923) membahagikan personaliti trait kepada tiga elemen iaitu *id*, *ego* dan *super ego* (rujuk rajah 2 di bawah). Beliau mengatakan tingkah laku

dipengaruhi oleh persekitaran seseorang. Teori Humanistik dicetuskan oleh Combs, Maslow, Rogers, Fromm dan Frankel pada tahun 1950 mendasari ujian ini dan menyatakan manusia bergerak ke arah kesempurnaan diri. Walau bagaimanapun kecelaruan mental menarik manusia ke arah personaliti yang abnormal. Oleh itu penambakan personaliti akan mengurangkan mekanisma pertahanan diri seterusnya meningkatkan pengetahuan terhadap diri individu yang betul dan dapat menerima realiti dalam mencari nilai yang boleh memuaskan diri sendiri.

Freud's model of personality structure

Rajah 2. Model Struktur Personaliti (Sigmund, 1923)

Walaupun bagaimanapun sarjana Islam seperti Imam Al-Ghazali (Farid, Indarawan & Jamil 1999) pula membahagikan personaliti menggunakan hati, roh, akal dan nafsu. Beliau turut menyatakan unsur-unsur spiritual dan kerohanian mempengaruhi personaliti seseorang. Manusia bergerak ke arah positif dan negatif. Hubungan hamba dan tuhan yang tidak sempurna boleh membawa manusia kepada personaliti abnormal dan kegelisahan jiwa.

Modul Inspirasi Transformasi Diri (ITD) di Politeknik Malaysia menggunakan ujian personaliti psikometrik banyak menggunakan Inventori Personaliti Sidek (IPS), Inventori Personaliti Warna (IPW), Inventori Minat Kerjaya Sidek (IMKS) dan Inventori Nilai Pekerjaan Sidek (IMPS) (Jabatan Pengajian Politeknik, 2011). Alat ujian ini menginterpretasi skor ujian psikometrik untuk membantu individu mengenalpasti personaliti, minat dan nilai diri yang menjadi potensi dan kekautan individu. Menurut (Farid & Baha, 2012) kaedah menggunakan biometrik melalui imbasan jari sebagai alat inventori untuk mengidentifikasikan personaliti seseorang dapat mengelakkan *bias*. Ini kerana ujian biometrik STIFIn tidak menggunakan soal-selidik yang mendorong individu membuat pilihan item jawapan yang terbaik.

2.2 Ujian Personaliti Biometrik - STIFIn

Dominasi kecerdasan otak yang dikenali sebagai Intelligence *Quotient (IQ)* yang diperkenalkan oleh William Stern (1871–1938) menganalisis komponen otak adalah merupakan bahagian manusia yang sangat penting. Ujian personaliti STIFIn adalah salah satu ujian personaliti biometrik yang menunjukkan jenis kecerdasan bukan sahaja kecerdasan otak tetapi juga karektor seseorang individu yang berfokus kepada satu kepakaran yang dominan dengan trait personaliti seseorang individu. Secara asasnya

individu itu memiliki karektor kecerdasan yang dominan dengan kekuatan yang ada pada diri mereka yang perlu dikembangkan untuk menjadikan mereka individu yang hebat (Sigmund, 1923).

Sejarah mengenai perkembangan Ujian Personaliti STIFIn telah ditemui oleh Farid Poniman bersama Indrawan Nughoro dan Jamil Azzaini selama 15 tahun, dan telah diterapkan dalam dunia pelatihan di Indonesia (*training*) (Farid, Indrawan & Jamil, 1999). Responden ujian STIFIn menjangkau 100,000 orang di Indonesia (Farid & Baha, 2012). Di Malaysia juga telah terdapat kumpulan pengkaji STIFIn iaitu Prof. Dr. Mohammed Zin Nordin dari UPSI, Dr. Suhaimi Mohd dan Dr. Wan Sharazad dari Jabatan Pembangunan Manusia, UKM (Prosiding PERKAMA, 2011).

Di Malaysia Ujian Personaliti STIFIn telah dikembangkan oleh Dato' Dr. Baha Hj. Nordin, dengan menggunakan imbasan jari untuk mengidentifikasikan personaliti seseorang individu. Ujian STIFIn ini adalah singkatan daripada akronim *Sensing (S)*, *Thinking (T)*, *Intuition (I)*, *Feeling (F)* dan *Instinct (In)*. Asasnya Ujian Personaliti STIFIn masih menggunakan unsur-unsur trait personaliti yang digunakan oleh psikologis Jung (1875-1959) dengan penambahan kerangka otak dengan mengabungkan teori 'The Whole Brain Concept' dan 'teori Triun Brain' (Paul & MacLean dalam Farid & Baha, 2012) digunapakai dalam menyusun lima personaliti asas STIFIn ini. Ujian Personaliti STIFIn merupakan kaedah biometrik dengan menggunakan imbasan jari untuk mengetahui dan mengenali rahsia diri sendiri dan seterusnya merangsang kehebatan itu untuk mencapai impian dalam masa yang singkat.

Imbasan jari yang mengandungi susunan garisan merupakan maklumat yang berkaitan saraf seterusnya dianalisa hubungannya dengan bahagian otak yang dominan. Bahagian otak yang dominan ini berperanan sebagai sistem operasi dan mesin kecerdasan seseorang. Individu perlu mengetahui bahagian otak manakah yang dominan pada diri mereka, maka dengan ini membantu merungkai dan berupaya untuk menentukan kebijaksanaan, kekuatan, kelebihan dan kelemahan yang terangkum menjadi personaliti diri seseorang (Farid dan Baha, 2012).

Formulasi imbasan sepuluh jari yang ditemui dalam Ujian Personaliti Biometrik STIFIn menghindari diri kita dari spekulasi terhadap diri dan masa depan seseorang individu. Ujian STIFIn bukan bertujuan untuk melabelkan seseorang atau meramal masa depan sebagaimana tilikan, nujum dan ramalan, ini kerana pakej kelebihan dan kelemahan seseorang itu diperolehi dengan cara yang menyakinkan. Ini kerana Ujian Personaliti STIFIn menggunakan imbasan sepuluh jari tanpa ada soal selidik atau ujian atas kertas yang boleh menimbulkan *bias* (Farid & Baha, 2012).

Ujian Personaliti STIFIn hanyalah untuk mengetahui bahagian dan lapisan otak yang dominan seseorang. Setelah mengetahui bahagian dan lapisan otak yang dominan, maka peluang kejayaan akan lebih tinggi apabila seseorang individu itu akan berusaha bersesuaian dengan karektor sebenar diri mereka. Hasil Ujian STIFIn ini bukan hanya kejayaan dalam kerjaya malah dalam pola hubungan kekeluargaan juga, STIFIn dapat membantu agar kita dapat mengetahui bagaimana cara efektif untuk membahagiakan pasangan masing-masing. Hasil Ujian STIFIn ini juga membantu para ibubapa atau guru dalam mendidik anak-anak mengikut pola kecerdasan mereka. Melalui Ujian STIFIn dan Konsep STIFIn ini cuba mengengahkan konsep kecerdasan yang dipanggil (S-T-I-F-In). Setiap dari kita hanya memiliki satu kecerdasan yang dominan. Maka individu diminta fokus untuk mencapai karektor yang sebenar diri mereka (Farid & Baha, 2012).

2.3 Kebolehpercayaan Alat Ujian

Analisa kebolehpercayaan alat ujian dijalankan bagi Ujian Personaliti SIFIn, yang mengandungi 70 item. Analisa data rintis menunjukkan keputusan kebolehpercayaan bagi keseluruhan dengan pekali alfa 0.824. Manakala bagi pengkaji (Zin, Suhaimi & Wan Sharazad, dalam Prosiding PERKAMA, 2011) melibatkan 99 orang responden di Universiti Pendidikan Sultan Idris, keputusan menunjukkan

kebolehpercayaan yang baik dan tinggi iaitu 0.849. Jadual 1 menunjukkan item-item dan nilai kebolehpercayaan inventori personaliti STIFIn bagi ujian rintis (N=15), kajian sebenar (N= 99) dan kajian hubungan (N=24).

Jadual 1: Keputusan kebolehpercayaan inventori mengikut dimensi

DIMENSI	ITEM	Pekali Alfa (N=15)	Pekali Alfa (N=99)	Pekali Alfa (N=24)
Thinking	8,10,12,19,26,32,34,43,52,55	0.538	0.678	0.766
Feeling	2,7,9,15,20,27,39,41,49,60	0.603	0.576	0.612
Intuition	24,29,30,35,40,51,56,58,63,70	0.342	0.349	0.533
Sensing	11,13,17,38,45,53,61,62,64,69	0.710	0.564	0.526
extraversion	3,6,22,28,36,46,48,54,65,67	0.773	0.498	0.557
intraversion	4,5,16,18,21,25,33,50,57,66	0.524	0.532	0.673
Insrinct	1,14,23,31,37,42,44,47,59,68	0.665	0.616	0.414
Keseluruhan	70 item	0.824	0.849	0.795


Secara keseluruhannya kajian ini telah berjaya mengenalpasti jenis-jenis personaliti responden berdasarkan Kerangka Model STIFIn yang membahagikan personaliti kepada 9 kategori iaitu *Sensing Introvert (Si)*, *Sensing Extrovert (Se)*, *Thinking Introvert (Ti)*, *Thinking Extrovert (Te)*, *Intuition Introvert (Ii)*, *Intuition Extrovert (Ie)*, *Feeling Introvert (Fi)*, *Feeling Extrovert (Fe)* dan *Instinct (In)*.

Ujian Personaliti STIFIn secara eksperimen terhadap 352 orang pelajar berusia antara 13 tahun hingga 15 tahun di Institusi Teknologi Batam, Indonesia pada tahun 2011 menunjukkan realibiliti STIFIn melebihi 95%. Responden telah menggunakan kaedah Ujian Personaliti STIFIn yang berfokus kepada satu kecerdasan telah melahirkan huffaz Al-Quran selama 6 bulan (Farid & Baha, 2012). Manakala di Malaysia julung kalinya sedang dilaksanakan di Sekolah Rendah Islam Integrasi Tahfiz Darul Ulum, Seremban bermula pada 20 September 2015 (Sinar Harian, 22 September 2015).

2.4 Model Ujian Personaliti SITFIn

Model Ujian Personaliti SITFIn berdasarkan tipologi teori personaliti Jung dan teori kuadran Hermann mengatakan fungsi personaliti manusia terbahagi kepada empat (4) jenis iaitu berfikir (*Thinking*), berperasaan (*Feeling*), Intuisi (*Intuition*) dan kederiaan (*Sensing*), (rujuk rajah 3 di bawah). Kuadran otak kiri merupakan kecerdasan yang selaras dengan ciri-ciri personaliti berfikir (*Thinking*), kuadran otak kanan merupakan kecerdasan selaras dengan ciri-ciri personaliti Intuisi (*Intuition*), kuadran otak bawah kiri atau limbik kiri merupakan kecerdasan selaras dengan ciri-ciri kederiaan (*Sensing*) manakala kuadran otak bawah kanan atau limbik kanan merupakan kecerdasan selaras dengan ciri-ciri personaliti berperasaan (*Feeling*). Jenis personaliti kelima dalam Model Ujian Personaliti SITFIn adalah ciri-ciri

personaliti naluri (*Instinct*) merupakan individu yang tidak cenderung menggunakan kuadran otak kanan dan otak kiri tetapi lebih bertumpu pada bahagian otak tengah dan paling bawah. Menurut Farid & Baha (2012) kecerdasan personaliti naluri ini berada pada fungsi gabungan *serebrum*, *medulla*, *midbrain* seperti yang digambarkan oleh rajah 3.




Rajah 3. Model Kecerdasan STIFIn (Farid & Baha, 2012)

2.5 Pencapaian Akademik Pelajar

Sperry (2012) juga mengatakan kaunselor berfungsi memberi konsultasi kepada para pendidik mengenai perbezaan gaya pembelajaran setiap pelajar adalah berbeza. Dunn dan Dunn (1978) pula dalam kajiannya mengatakan gaya pembelajaran mempengaruhi pencapaian akademik dan beliau turut menyenaraikan lima elemen rangsangan iaitu persekitaran emosi, sosiologi, fisiologi dan psikologi. Dunn dan Dunn (2000) mengatakan persoalan utama dalam gaya pembelajaran adalah bagaimana seseorang tenaga pengajar itu menggunakannya dalam pendidikan. Pencapaian akademik pelajar juga telah dikaitkan oleh Honey dan Mumford (1992) dengan gaya pembelajaran individu. Manakala menurut (Farid, Indarawan & Jamil 1999) trait personaliti mempengaruhi pencapaian akademik pelajar sekiranya diberi fokus kepada kehebatan yang dominan dengan kecerdasan trait personaliti.

Maka melalui Ujian Personaliti STIFIn pelajar boleh mengetahui gaya pembelajaran yang sesuai dengan dominan kecerdasan yang diperolehi melalui Ujian Personaliti STIFIn menggunakan imbasan sepuluh jari boleh mengenalpasti gaya pembelajaran yang sesuai. Misalnya personaliti *Intuiting-introvert (Ii)* dalam proses pembelajaran orang jenis Ii selalu memfokuskan dirinya dengan memahami konsep, pencapaian pelajar lebih meningkat jika mereka mengamalkan gaya pembelajaran dengan menggunakan ilustrasi, grafik dan filem. Oleh itu, kajian ini mencadangkan personaliti trait yang dimiliki oleh pelajar boleh memandu pelajar untuk mencapai kejayaan akademik jika mereka menyedari dan mengetahui tentang personaliti mereka. Berdasarkan kepada konsep kajian ini maka kerangka kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan di mana *Sensing*, *Thinking*, *Intuiting*, *Feeling* dan *Insting* adalah pembolehubah dalam kajian ini.

2.6 Kerangka Kajian



Rajah 4. Kerangka Kajian

Kesimpulan

Kertas konsep ini bertujuan untuk menerangkan isu-isu dan faktor-faktor yang membawa kepada pencapaian dan kecemerlangan pelajar. Pelbagai kaedah dan teknik dikaji untuk mencari kaedah yang terbaik bagi pelbagai kriteria kecemerlangan individu dan kumpulan pelajar. Kajian ini telah mengenalpasti ujian personaliti STIFIn merupakan penemuan terbaru yang dilakukan dengan membuat imbasan kesemua cap jari. Cap jari adalah identiti tersendiri bagi setiap manusia kerana ianya berbeza bagi setiap individu. Maka susunan corak dan garisan pada cap jari memberikan informasi berkaitan dengan saraf dan membolehkan ianya dianalisa dan dihubungkan dengan belahan otak yang dominan yang menentukan kebijaksanaan dan personality bio-metrik individu. Kerangka konsep yang dicadangkan itu boleh digunakan untuk melaksanakan ujian personaliti STIFIn bagi membantu pelajar mengenali gaya pembelajaran yang efektif mengikut personaliti mereka. Trait personaliti STIFIn yang memfokuskan kepada kecerdasan unggul samada *Sensing*, *Thinking*, *Intuiting*, *Feeling* dan *Insting* boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar sekiranya diberi fokus kepada kehebatan yang dominan dengan kecerdasan trait personaliti. Maka kajian masa hadapan akan dijalankan bagi melaksanakan dan mengkaji kerangka kajian yang dicadangkan.

Rujukan:

- Chek Mat, 2008. Ujian Psikologi dan Pengurusan. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
https://books.google.com.pe/books/about/Ujian_psikologi_dan_pengurusan.html?id=J3-GDNbLm-sC
- Chowdhury, M. (2006). Students Personality Traits and Academic Performance: A Five Factor Model Perspective. *College Quarterly*, Vol.9, No.3.
- Dunn, R. (2000). *Learning styles: Theory, research, and practice*. National Forum of Applied educational Research Journal, 13 (1), 3-22.
- Dunn, R., & Dunn, K. (1992a). *Teaching elementary student through their individual learning styles*. Boston: Allyn & Bacon.
- Farid Poniman & Baha Nordin. (2012) STIFIn Personality, Stifin Bio-Metriks Sdn. Bhd.

- Farid Poniman, Indrawan Nughoru & Jamil Azzair, (1999) *Kubik Leadership*, Kubik Training & Consultancy, Batam, Indonesia.
- Honey, Mumford (1992). *Ways of Learning: Learning Theories and Learning Styles in the classrome*, Peter Honey Punlications; 3 rd revised edition, ISBN 978-095844473.
- Inspirasi Transformasi Diri (2011). *Jabatan Pengajian Politeknik*.
- Komarraju, M., Karau, S. J., & Schmeck, R. R. (2009). Role of the Big Five personality traits in predicting college students' academic motivation and achievement. *Learning and Individual Differences*, 19(1), 47-52.
- Kaklauskas, A., Zavadskas, E.K., Pruskus, V., A. Vlasenko, Seniut, M., Kaklauskas, G. Matuliauskaite, A., Gribniak, V. (2010). Biometric and Intelligent Self-Assessment of Student Progress System. *Computers & Education* 55, 821-833.
- Matsuno, S. (2009). Self-, peer-, and teacher-assessments in Japanese university EFL writing classrooms. *Language Testing*, 26(1), 75-100.
- Minit Mesyuarat Pengurusan Akademik Jabatan Perdagangan bil.4 2015.
- Mischel W. *Personality and assessment*. New York: Wiley; 1968.
- Noftle, E. E., & Robins, R.W. (2007). Personality predictors of academic outcomes: Big Five correlates of GPA and SAT scores. *Journal of Personality and Social Psychology*, 93(1), 116-130.
- Prosiding PERKAMA (2011). *Persatuan Kaunseling Malaysia*.
- Sinar Harian, (2015). "Lahir Huffaz, tempoh cepat, Tahfiz Darul Ulum, STIFIn jalin kerjasama".
- Sperry. (2012) .*Counselor and Learning Styles*; *The Personnel and Guidance Journal*, vol 51, Issue 7, pages 478- 483
- Sigmund, F. (1923). "The Ego and the Id", *Se*, 19: 1-66.

M-PEMBELAJARAN : TAHAP PENERIMAAN PELAJAR POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH SUATU KAJIAN AWAL

Haryanti Bt Abdullah¹, Siti Mahanum Bt Shaik Ismail²,
Nurfadillah Ahmad Mahmud³

Commerce Department,
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

haryanti@psa.edu.my, mahanum@psa.edu.my, nurfadillah@psa.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenaplasti tahap penerimaan pelajar terhadap M-Pembelajaran. M-Pembelajaran merupakan suatu konsep baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di mana menekankan kepada keupayaan mudah alih proses pembelajaran tanpa terikat kepada lokasi fizikal di mana proses pembelajaran tersebut berlaku (Kukulka-Hulme & Traxler, 2005). Penggunaan telefon pintar memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran, sebagai alat untuk berkomunikasi dan juga merupakan daya tarikan bagi golongan remaja (Hamdan, Din & Abdul Manaf, 2012). Pembelajaran yang berasaskan telefon pintar juga dikenali sebagai M-Pembelajaran. Kertas konsep ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penerimaan pelajar Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) terhadap M-Pembelajaran dalam konteks pembelajaran, komunikasi dan juga mesra pengguna. Justeru, kajian ini mengintegrasikan teori kerangka M-Pembelajaran ke arah tiga pembolehubah bagi membantu memperkasakan pendidikan ke arah kelestarian pendidikan bertaraf dunia.

Kata kunci: M-Pembelajaran, telefon pintar, komunikasi, mesra pengguna

1.0 Pendahuluan

Teknologi kini semakin berkembang dengan pesat. Begitu juga dengan bidang pendidikan yang perlu berubah seiring dengan generasi sekarang. Generasi Y berkembang dengan teknologi dan bergantung dengannya untuk melaksanakan sesuatu kerja. Tambahan generasi ini juga lebih suka untuk berkomunikasi menggunakan teknologi dari bersemuka (Nurhani, 2013). Seiring dengan ini, maka pendidikan di Malaysia harus berubah mengikut peredaran masa. Menurut Afadzil (2013) generasi Y adalah golongan yang lahir pada tahun 1977-1997. Ciri gen Y adalah *Programmed* dan berorientasikan kumpulan. Dalam bidang pendidikan kebanyakan dari mereka beranggapan semuanya sudah di susun atur untuk mereka atau tanggungjawab untuk menstruktur kehidupan pembelajaran mereka.

Lantaran itu, Institusi Pengajian Tinggi perlu bergerak seiring dengan generasi yang dicorakkan. Menurut Pengarah PSA, Tuan Hj Kamaruzaman Bin Ismail, Politeknik perlu mengorak langkah memperkasakan institusi berteraskan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara. Politeknik komited dalam menyahut saranan kerajaan di bawah Rancangan Malaysia ke 10, *National Key Economic Areas (NKEA)*, *Government Transformation Programme (GTP)* dan *Economic Transformation Programme (ETP)* untuk melahirkan modal insan negara melalui penghasilan graduan yang berkualiti. Selaras dengan harapan ini maka amatlah wajar pemerkasakan pendidikan dilaksanakan.

Pendidikan konvensional atau tradisional yang menjadi amalan sebelum ini tidak dapat memenuhi pendidikan alaf 21. Pendidikan kini bukanlah berteraskan bilik kuliah dan bersemuka tetapi perlu berkembang seiring dengan kepesatan teknologi di Malaysia. Pendidikan tradisional menggunakan papan dan kapur telah ditransformasi kepada penggunaan komputer, bahan elektronik, *Liquid Crystal Display (LCD)*, *smartboard* dan teknologi lain di dalam bilik kuliah (Zaidatun & Syed, 2009). Dari masa ke semasa, pendidikan sentiasa berubah selaras dengan kemajuan fikiran, kehendak dan teknologi. Dari konvensional beralih arah ke E-Pembelajaran yang merupakan kaedah baru yang lebih memudahkan pengajar dan pelajar di mana teknologi internet digunakan dalam pembelajaran